



26 Ogos 2026

KENYATAAN MEDIA YB PENERUSI PAC PROSIDING MEMBABITKAN LEMBAGA TABUNG HAJI

1. Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen hari ini bersetuju sebulat suara untuk memulakan prosiding bagi menyiasat kelemahan tadbir urus, kewangan dan pelaburan Lembaga Tabung Haji (LTH).
2. Keputusan PAC ini dibuat susulan penemuan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi Menyiasat Isu Pengurusan dan Operasi Lembaga Tabung Haji dari Tahun 2014 hingga 2020 yang didedahkan kepada umum pada 29 Julai 2026.
3. PAC menyifatkan pendedahan RCI berkenaan adalah amat serius dan boleh menghakis kepercayaan umat Islam di negara ini, sekiranya ia tidak ditangani dengan sewajarnya.
4. Masih ada beberapa persoalan yang terus diperkatakan selepas Laporan RCI itu didedahkan dan kemudian dibahaskan di Dewan Rakyat dalam Sidang Khas Dewan Rakyat pada 11 Ogos 2026.
5. Justeru, PAC berpandangan sebagai sebuah Jawatankuasa Pilihan di bawah Parlimen yang bipartisan, PAC mempunyai bidang kuasa jelas seperti yang termaktub dalam Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Arahan Perbendaharaan dan Pekeliling

Am Bilangan 1 Organisasi-organisasi Kementerian Jabatan Perdana Menteri adalah menjadi tugas dan tanggungjawab PAC untuk memulakan prosiding berhubung isu ini.

6. Pada masa sama, PAC ingin menegaskan bahawa prosiding ini bukan bertujuan mengulangi siasatan RCI yang telah dibuat dengan menyeluruh, sebaliknya akan menumpukan kepada status dan kemajuan sebenar pelaksanaan syor-syor RCI selaras dengan fungsi teras PAC.
7. Bagaimanapun, tajuk, Terma Rujukan (TOR) dan senarai saksi berhubung prosiding Lembaga Tabung Haji ini masih belum ditetapkan buat masa ini dan Jawatankuasa ini akan mengadakan mesyuarat khas bagi tujuan berkenaan.
8. Pada masa sama, PAC sudah mempunyai pengalaman dalam menyiasat isu-isu yang besar dan sensitif antaranya Prosiding 1MDB pada tahun 2016, Prosiding Tuntutan Tunggakan Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) Berjumlah RM19.4 Bilion (2019) dan Prosiding Perolehan Kapal Peronda Generasi Kedua - *Littoral Combatant Ship* (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia (2022).
9. Malah, prosiding PAC berhubung perolehan LCS dimulakan selepas Jawatankuasa ini menerima laporan daripada Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) pada tahun 2019.
10. Bagi memastikan siasatan prosiding berhubung Lembaga Tabung Haji dilakukan secara komprehensif, telus dan berakauntabiliti, PAC

akan turut menggunakan dokumen-dokumen seperti Laporan RCI, Laporan Ketua Audit Negara, dan Laporan Audit Firma Audit PwC sebagai rujukan dalam prosiding ini.

11. PAC komited untuk menjalankan siasatan ini secara telus dan adil demi memastikan akauntabiliti berterusan pengurusan wang awam dan mengembalikan keyakinan penuh pendeposit terhadap Lembaga Tabung Haji.

Sekian, terima kasih.

YB Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin
Pengerusi PAC Parlimen